

SOALAN NO.: 41

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH**

KAWASAN : LENGGONG

SOALAN:

YB. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH (LENGGONG)
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah ada cadangan
kementerian untuk melebarkan keseluruhan jalan persekutuan
daripada utara ke selatan Semenanjung Malaysia supaya menjadi
alternatif kepada Lebuh Raya Utara Selatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mempunyai perancangan jangka panjang untuk menaik taraf Jalan-Jalan Persekutuan utama di Semenanjung Malaysia, iaitu kepada laluan 'dual-carriageway' dengan reka bentuk piawaian JKR, R5. Ini termasuklah Jalan Persekutuan 1 (FT01) dan Jalan Persekutuan 5 (FT05) yang menghubungkan utara dan selatan Semenanjung Malaysia. Projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dalam setiap Rancangan 5 Tahun dan tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan. Ini kerana cadangan projek tersebut melibatkan kos yang sangat tinggi.

Namun demikian, Kerajaan sentiasa mencari kaedah terbaik untuk mengurangkan masalah kesesakan trafik di Jalan Persekutuan sedia ada. Sebagai contoh, Kerajaan telah meluluskan projek membina Lebuh Raya Pantai Barat dari Taiping ke Banting yang hampir selari dengan Jalan Persekutuan 5 (FT05) dan Lebuh Raya Utara – Selatan (PLUS). Projek sepanjang 316km itu akan dilaksanakan menerusi gabungan kaedah penswastaan dan konvensional di mana ia bakal menjadi laluan alternatif kepada para pengguna, khususnya dari arah kawasan pesisiran pantai Perak dan Selangor. Perjanjian Konsesi Lebuh Raya Pantai Barat ini telah ditandatangani pada bulan Januari 2013 dan projek tersebut dijangka akan siap sepenuhnya dalam tempoh 60 bulan.

Sekian, terima kasih.